



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

TIGA KANAK-KANAK TELAH BERTEMU IBU MEREKA DI INSTITUSI KEBAJIKAN JKM

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin melaporkan bahawa ibu kepada 3 orang anak yang ditempatkan di Institusi Kebajikan di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perlis telah melawat anak-anaknya pada tengahari ini. Dalam pengendalian kes ini, tiga (3) orang kanak-kanak yang merupakan anak beliau telah ditempatkan di institusi kebajikan JKM atas permohonan pengadu sendiri dan setelah mendapat perintah mahkamah. Penempatan ini dibuat bagi mengutamakan kepentingan untuk perlindungan dan kebajikan kanak-kanak tersebut.

Dalam menguruskan lawatan keluarga, institusi kebajikan perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Selamat) 2017 kerana institusi kebajikan telah diwartakan sebagai Tempat Selamat di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Semua pelawat hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat (Pelindung) terlebih dahulu sebelum dibenarkan membuat lawatan.

Dalam usaha mencegah penularan pandemik COVID-19, Institusi Kebajikan JKM telah menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP)

selaras dengan SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di mana setiap pelawat perlu membuat ujian RTK-AG sendiri dan mengemukakan keputusan negatif COVID-19. **Peraturan ini terpakai untuk semua institusi kebajikan di bawah JKM.**

Pengadu telah melawat anak-anak beliau pada hari ini dengan mematuhi semua peraturan dan SOP yang berkuatkuasa. KPWKM turut memandang serius kenyataan yang tidak berasas dan menafikan dakwaan bahawa kanak-kanak terlibat telah dipindahkan ke institusi di bawah JKM yang lain.

Kementerian amat menggalakkan hubungan kekeluargaan berterusan di antara kanak-kanak dengan ibu bapa/penjaga dalam konteks pengurusan institusi kebajikan namun aspek keselamatan, perlindungan dan kesihatan penghuni amat dititikberatkan lebih-lebih lagi ketika era pandemik COVID-19 ini.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
16 Februari 2022